

# PREDNISYN TABLET 5MG

*Prednisolone (5mg)*

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Prednisyn
2. Bagaimana Prednisyn berfungsi
3. Sebelum menggunakan Prednisyn
4. Cara menggunakan Prednisyn
5. Semasa menggunakan Prednisyn
6. Kesan-kesan sampingan.
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Prednisyn
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini
11. Nombor siri

## Apakah kegunaan Prednisyn

Prednisyn digunakan untuk merawat demam reumatik, artritis rheumatoid, penyakit alergi, sindrom *nephritic*, asma bronkial dan keadaan lain yang disebabkan oleh kortikosteroid.

## Bagaimana Prednisyn berfungsi

Prednisyn adalah kortikosteroid untuk penggunaan sistemik. Glukokortikoid semula jadi (hidrokortison dan kortison) mempunyai sifat *salt retention*, digunakan sebagai terapi penggantian pada keadaan kekurangan adrenokortikal. Analog sintetik pula digunakan terutamanya untuk kesan anti-radang yang kuat dalam gangguan sistem organ. Glukokortikoid menyebabkan kesan metabolik yang nyata dan bervariasi. Di samping itu, glukokortikoid mengubah tindak balas imun badan terhadap pelbagai rangsangan.

## Sebelum menggunakan Prednisyn

–Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil Prednisyn:

- Jika anda alergi terhadap komponen ubat ini.
- Jika anda menghadapi jangkitan sistemik kecuali telah mengambil terapi anti-infektif tertentu.
- Jika anda menghadapi okular herpes simplex.
- Jika anda menghadapi masalah keturunan terhadap intoleransi galaktosa.
- Jika anda menghadapi *Lapp lactase deficiency* atau masalah penyerapan glukosa-galaktosa.

–Sebelum mula mengambil

Anda perlu memaklumkan kepada doktor anda:

- Jika anda alergi pada ubatan dan makanan.
- Jika anda mengambil ubatan lain (termasuk yang tidak dipreskripsikan oleh doktor anda).
- Jika anda atau saudara-mara anda mengalami atau mempunyai sejarah menghadapi gangguan afektif yang teruk.
- Jika anda menghadapi diabetes mellitus, glaukoma, tekanan darah tinggi, kegagalan hati, epilepsi, osteoporosis, ulser peptik, miopati steroid, *myasthenia gravis* yang menerima terapi antikolinesterase, gangguan tromboemboli, masalah buah pinggang, tuberkulosis, *myocardial infarction*, penyakit hati kronik dengan fungsi hati yang terganggu atau atrofi kortikal adrenal.
- Jika telah divaksin dengan *live vaccines*.
- Jika anda menghadapi sklerosis sistemik (gangguan autoimun). Pengambilan dos harian sebanyak 15 mg atau lebih boleh meningkatkan risiko komplikasi serius iaitu *scleroderma renal crisis* yang boleh menyebabkan tekanan darah anda meningkat dan mengurangkan pengeluaran air kencing.
- Jika anda mempunyai *pheochromocytoma* (kanser kelenjar adrenal).

–Jika mengambil ubat-ubat lain Anda perlu memberitahu doktor jika anda mengambil ubat-ubatan lain kerana ia mungkin akan bertindak balas dengan Prednisyn:

- *CYP3A inhibitors*
- *Hepatic microsomal enzyme inducers, hepatic microsomal enzyme inhibitors*
- Agen *antidiabetic*
- *Non-steroidal anti-inflammatory drugs*
- Antibakteria
- Antikoagulan
- *Antiepileptics*
- *Antifungals*
- Antiviral

- *Cardiac glycosides, ciclosporin, cytotoxics, mifepristone*
- Vaksin
- *Oestrogens, somatropin*
- *Sympathomimetic*
- Agen *hypoglycaemic* (termasuk insulin)
- *Antihypertensives* dan *diuretics*

## Cara menggunakan Prednisyn

–Berapa banyak harus digunakan

Untuk pengambilan oral sahaja. Harus diambil bersama dengan makanan (diambil segera selepas makan).

Dos umum bagi dewasa dan remaja:

Oral, 5-60mg setiap hari dalam dos berbahagi.

Bagi *acute exacerbations of multiple sclerosis* - oral, 200mg setiap hari bagi tempoh satu minggu, diikuti dengan 80mg selang sehari selama satu bulan.

Had preskripsi umum bagi dewasa:

Oral, sehingga 250mg dalam satu hari.

Dos pediatrik biasa:

Kekurangan *adrenocortical* – oral, 140mcg (0.14mg) bagi setiap kg berat badan atau 4mg setiap meter persegi permukaan badan sehari dalam 3 dos berbahagi.

Tanda-tanda lain – oral, 500mcg (0.5mg) hingga 2mg setiap kg berat badan atau 15 hingga 60mg setiap meter persegi permukaan badan sehari dalam 3 atau 4 dos berbahagi.

–Bila perlu digunakan

Doktor anda akan menentukan sekiranya anda perlu mengambil Prednisyn.

–Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

–Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Amil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk

# PREDNISYN TABLET 5MG

*Prednisolone (5mg)*

---

menggantikan dos yang tertinggal.

–Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

- Tiada antidot khusus; rawatan adalah untuk mengurangkan simptom.
- Serum elektrolit perlu dipantau.
- Anda perlu hubungi doktor anda dengan segera jika anda mengambil Prednisyn secara berlebihan.

## **Semasa menggunakan Prednisyn**

–Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang Menggunakan Prednisyn.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

–Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Prednisyn dengansesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

–Perkara yang perlu diberi perhatian

- Elakkan penggunaan berterusan dalam dos yang banyak.
- Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sekiranya timbul gejala psikologi yang membimbangkan.
- Elakkan terkena cacar air atau herpes zoster.
- Elakkan terkena demam campak.
- Rujuk pakar oftalmologi jika terdapat simptom seperti penglihatan kabur atau gangguan penglihatan yang lain.
- Elakkan penggunaan jangka panjang pada kanak-kanak dan golongan berumur.

## **Kesan-kesan sampingan**

Seperti semua ubat-ubatan, Prednisyn boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun tidak semua orang mendapatnya. Anda adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor/ahli farmasi untuk maklumat lanjut. Kesan-kesan sampingan biasa berikut telah dilaporkan:

- Gangguan afektif (mudah marah, euforia, murung dan mood yang berubah-ubah, dan pemikiran bunuh diri).
- Reaksi psikotik (mania, khayalan, halusinasi, dan kemerosotan skizofrenia).
- Gangguan tingkah laku, mudah marah, gelisah, gangguan tidur, kekeliruan dan hilang ingatan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)).

## **Cara penyimpanan dan pelupusan Prednisyn**

–Penyimpanan

Jauhkan Prednisyn dari jangkauan kanak-kanak. Simpan pada suhu bawah 30°C. Lindungi dari cahaya.

–Pelupusan

Jangan guna Prednisyn yang melebihi tarikh luput yang dicetak pada kotak.

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## **Maklumat lanjut**

–Rupa dan warna produk

Prednisyn adalah tablet berwarna putih, berdiameter 6.5mm, leper, bergaris di tengah dan kosong di sebelah.

–Bahan-bahan kandungan

Bahan Aktif:  
Prednisolone.

Bahan Tidak Aktif:

*Sodium Starch Glycolate, Corn Starch, Polysorbate 80, Magnesium Stearate, lactose.*

–Nombor MAL

MALXXXXXXXXXACZ

## **Pengilang**

PT Sydna Farma

Jl. RC Veteran No 89 Desa/Kelurahan Bintaro, Kec. Pesanggrahan, Kota Adm. Jakarta Selatan, Povinsi DKI Jakarta, Indonesia.

## **Pemegang Pendaftaran Produk**

Duopharma Manufacturing (Bangi) Sdn Bhd  
Lot 2, 4, 6, 8 & 10, Jalan P/7, Section 13, Bangi Industrial Estate, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor, Malaysia.

## **Tarikh kemaskini**

24/07/2025

## **Nombor siri**

NPRA(R2/2)250715/1504